



**TEKS UCAPAN**

**YAB DATUK SERI UTAMA HJ SULAIMAN BIN MD ALI**

**KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA**

**PROGRAM “DR. AKMAL SALLEH: *100 DAYS DRAG RACE*”**

**TARIKH: 26 FEBRUARI 2022 (SABTU) , MASA: 8.45 MALAM**

**DI LITAR PECUT MERLIMAU,**

**KAWASAN PERINDUSTRIAN MERLIMAU FASA 2**

**(WAKIL: YB TUAN VP SHANMUGAM)**

---

Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia. Apa Khobar semua?

***(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)***

1. Pertama-tamanya, saya berasa gembira dan berbesar hati kerana dapat bersama-sama berkumpul pada petang ini sempena **Program “Dr. Akmal Salleh: 100 Days Drag Race”**.

2. Izinkan saya mempersembahkan serangkap pantun,

***Menggamit dunia selamat datang,  
Bunga Negeri Kesidang mewangi,  
Dari merata negeri saudara saudari datang,  
Kami di Melaka sedia menanti.***

3. Terlebih dahulu, selamat datang saya ucapkan kepada para peserta, bikers-bikers dari dalam dan luar Negeri Melaka ke Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah, tapak Warisan Dunia UNESCO.

4. Terlebih dahulu bagi pihak YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, saya merakamkan sekalung tahniah dan syabas kepada YB Dr. Akmal dan pasukannya kerana berjaya menganjurkan program berimpak tinggi ini dengan penyertaan anak-anak muda yang menggalakkan bukan sahaja dari Negeri Melaka, malah peserta dari luar Negeri Melaka juga turut menyertai program ini.
  
5. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri Melaka, kerana tidak dapat bersama di majlis ini disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

6. Saya difahamkan litar pecut ini dibina sejak akhir bulan Januari 2022 dan siap dibina pada pertengahan Februari 2022 dengan kerjasama agensi Kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Melaka, Majlis Perbandaran Jasin (MPJ), Tenaga Nasional Sdn. Bhd. Negeri Melaka dan beberapa agensi lain.

7. Lanjutan daripada status litar ini, saya mohon agar JKR Negeri Melaka dan MPJ segerakan proses penwartaan agar pembangunan litar ini dapat dilaksanakan untuk peringkat seterusnya.
8. Kejayaan pembinaan litar pecut ini adalah selari dengan tempoh 100 hari pentadbiran Kerajaan Negeri di mana DUN Merlimau berjaya mewujudkan litar ini demi memenuhi kehendak dan cita rasa orang muda. Litar ini adalah salah satu janji Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) yang lalu dan ternyata dengan memilih BN, semua janji akan ditepati. Insya-Allah.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

9. Saya dimaklumkan, program ini telah bermula sejak semalam dan akan berakhir pada hari esok, Ahad iaitu 27 Februari 2022. Saya lihat majoriti anak muda yang terlibat dalam program ini merupakan mereka yang minat dengan *motorsport*. Terdapat pelbagai kategori dipertandingkan mengikut keupayaan enjin masing-masing.
10. Saya turut dimaklumkan kebanyakan peserta juga merupakan pemilik bengkel yang menggunakan jentera sendiri untuk berlumba secara sihat pada hari ini dengan mempamerkan skill atau cara

masing-masing. Pada program ini juga, sebanyak lebih kurang 50 kenderaan jenis motor dan sebanyak 60 kereta yang menyertai program *100 Days Drag Race* ini.

11. Apa yang lebih membanggakan, semua peserta yang hadir bagi menyertai program ini datang dengan menggunakan duit belanja sendiri walaupun ada yang datang jauh dari luar Negeri Melaka. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua peserta!

Saudara dan saudari sekalian,



12. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada penganjur Program “Dr. Akmal Salleh: *100 Days Drag Race*” di atas kejayaan penganjuran program ini. Terima kasih juga kepada semua bikers dan pemandu-pemandu kereta yang sudi menyertai program ini. Saya berharap agar lebih banyak program seperti ini dapat dianjurkan dan memeriahkan lagi sukan permotoran sekali gus dapat melahirkan lebih ramai jaguh sukan permotoran untuk Negeri Melaka dan negara ini.

13. Akhir kata, saya mewakili YAB Ketua Menteri Melaka dengan sukacitanya merasmikan Program “**Dr. Akmal Salleh: 100 Days Drag Race**”. Selamat maju jaya.

Sekian,

Wabillahitaufik      Walhidayah      Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.